

Muhyiddin, Anwar, Tun M perlu bincang kerjasama politik untuk PRU 15

JOHOR BAHRU - Sudah sampai masanya Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Tun Dr Mahathir Mohamad berbincang untuk bergabung dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Bendahari Kelab Veteran Bersatu Malaysia (KVBM), Saifulanuar Yahya berkata, semua pihak perlu melupakan persengketaan dan ego masing-masing sebaliknya merangka strategi bersama-sama untuk PRU15.

“Kekalahan PN dan PH dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor sebenarnya adalah satu hikmah, ini melihatkan di mana kelemahan PN dan PH. Kelemahan ini boleh dibaiki dalam PRU15.

“Kita boleh gunakan formula kerjasama politik yang sama dalam PRU14 dan ini sudah terbukti berjaya, bagi pemilihan logo parti atau logo gabungan mana akan digunakan, itu boleh dibincangkan nanti.

“Kita harus belajar daripada kesilapan PRN Johor. Analisis mendapati pengundi yang menyokong Barisan Nasional (BN) dalam PRN Johor hanya 35 peratus manakala 65 peratus lagi menyokong PN dan

PH,” katanya pada sidang akhbar di sini pada Ahad.

Mengulas lanjut, Saifulanuar berkata, bagi parti pembangkang lain contohnya Pejuang, Muda atau Parti Warisan (Warisan), mereka boleh memilih untuk menyertai PN atau PH dan semuanya perlu mengutamakan semangat setiakawan dan mempunyai matlamat yang sama iaitu menang PRU15.

“PN dan PH boleh tanding di semua 222 kerusi Parlimen, kita bahagi dua, PN tanding 111 kerusi Parlimen, PH juga tanding 111 kerusi Parlimen, kita bahagikanlah supaya tidak ada satu kerusi pun yang

bertembung,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha KVBM, Datuk Jemale Paiman berkata, perancangan untuk PN, PH dan parti pembangkang lain bergabung tidak mustahil dilaksanakan malah sudah terbukti pada PRU14 sehingga berjaya menjatuhkan BN yang memerintah lebih 60 tahun.

Tambahnya, amat penting hanya dua gabungan politik bertanding dalam PRU15 kerana PRN Johor membuktikan PN dan PH gagal sedangkan BN sebenarnya tidak kuat serta masih lagi ditolak rakyat.